

Ribut, hujat lebat landa KL

KUALA LUMPUR – Beberapa pengguna jalan raya cemas apabila sebuah papan iklan gergasi di persimpangan berhampiran Kompleks Desa Kepong di sini tumbang menyembah bumi ketika hujan lebat dan ribut kencang yang melanda ibu negara hampir sejam petang semalam.

Dalam kejadian pada pukul 6 petang itu, tiang papan iklan itu patah lalu tumbang ke arah jalan raya semasa warga kota mula berpusu-pusu untuk pulang ke rumah.

Bagaimanapun, semua pengguna jalan raya di laluan itu menarik nafas lega apabila papan iklan itu tumbang ke bahagian bahu jalan.

Tiada kemalangan jiwa dilaporkan daripada kejadian tersebut.

Jurucakap Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur berkata, sehingga pukul 8 malam pihaknya menerima lebih daripada 10 laporan berhubung kejadian pokok tumbang termasuk tiga buah kenderaan yang dihempap pokok di Kepong.

“Pokok tersebut dikatakan tumbang selepas hujan lebat yang disusuli angin kencang selama hampir sejam sejak pukul 6 petang hari ini (semalam).



BEGINILAH keadaan sebuah papan tanda gergasi yang tumbang semasa ribut dan hujan lebat di Kepong semalam.

“Selain Kepong, kita turut menerima laporan di Wangsa Maju, Jelatek, Kampung Baru, Mont Kiara serta Taman Koperasi Polis di sini,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, hujan lebat itu juga telah menyebabkan beberapa jalan di Kepong dinaiki air, namun masih boleh dilalui kenderaan.

Sementara itu, jurucakap Bomba dan

Penyelamat Selangor berkata, pihaknya menerima enam laporan berhubung kejadian sama di Batu Caves, Sungai Buloh, Ampang Jaya dan Gombak.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati hujan dan ribut itu mengakibatkan jalan raya sekitar ibu negara agak sesak tetapi terkawal sehingga pukul 7.30 petang.

Bagaimanapun, tiada sebarang kejadian banjir kilat dilaporkan.